

# PM cabar buktikan Kerajaan Perpaduan anti-Islam

**Seremban:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar pihak mengkritik pentadbiran Kerajaan Perpaduan kononnya mengamalkan pendekatan anti-Islam, supaya tampil mengemukakan bukti terhadap tuduhan terbabit.

Tanpa menamakan pihak terbabit secara jelas, Perdana Menteri antara lain mencabar mereka supaya turut mengemukakan bukti bagi dua lagi dakwaan iaitu Kerajaan Perpaduan 'mengkhianati' hak Melayu dan Bumiputera serta tidak memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Beliau juga mencabar pengkri-

tiknya mengemukakan bukti di Dewan Rakyat, membabitkan program dan inisiatif dilaksanakan Kerajaan Perpaduan yang didakwa menentang Islam, hak keistimewaan. Melayu dan Bumiputera serta bahasa Melayu.

Katanya, Kerajaan Perpaduan diterajui beliau sebaliknya menyalurkan peruntukan bagi program berasaskan Islam dan sekolah agama pada kadar lebih besar berbanding dana disalurkan kerajaan terdahulu yang dianggotai BERSATU dan PAS.

"Bagaimana mereka (mendakwa Kerajaan Perpaduan) anti-Islam?

"Berikan bukti di mana saya sebagai Perdana Menteri yang mengkhianati Islam," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Perdana Menteri kepada Penjawat Awam Negeri Sembilan di Dewan Majlis Bandaraya Seremban di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Zulkapli Mohamed; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menjelaskan, pen-

tadbiran beliau memperuntukkan dana lebih besar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Yayasan Karyawan serta Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) bagi memartabatkan bahasa Melayu.

Bagaimanapun, katanya, terdapat segelintir pihak yang masih mendakwa Kerajaan Perpaduan mengabaikan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Mengulas lanjut, beliau turut menampelas tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menghentikan pemberi-

an peruntukan kepada sekolah agama antara lewat 1990-an hingga awal 2000-an.

Malah, katanya, semua gabungan politik yang membentuk Kerajaan Perpaduan, termasuk DAP menghormati hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera serta status bahasa Melayu.

"Saya memilih untuk mengambil pendekatan berbeza. Kita akan terus membantu sekolah agama. Pihak pembangkang boleh mengkritik dasar dan inisiatif diperkenalkan kerajaan, tetapi jangan sampai memfitnah.

"Jangan amalkan politik secara tidak sihat," katanya.